

17/09/2004

Ahli perlu faham konsep demokrasi

INGATAN bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, supaya ahli Umno tidak mengutamakan sokongan kepada individu sebaliknya kepada parti, perlu diberi perhatian serius terutama menjelang pemilihan pucuk pimpinan Umno minggu depan. Ini kerana tindakan berkenaan boleh menyebabkan perpecahan di kalangan ahli bagi tempoh jangka panjang, sekali gus akan melemahkan parti yang baru saja diberi mandat besar oleh rakyat pada pilihan raya umum lalu. Apa yang jelas, Umno tidak mampu mengulangi pengalaman sebelum ini apabila ada pemimpin yang begitu dipuja sehingga apabila dia kalah dalam pertandingan, parti mengalami perpecahan yang membawa kepada merosotnya kepercayaan rakyat.

Kita juga bersetuju dengan nasihat Dr Mahathir supaya ahli Umno dapat memahami konsep demokrasi sebenar dalam politik iaitu bersikap gentleman ketika bertanding dan merapatkan kembali barisan apabila pemilihan selesai dengan menerima keputusan serta sanggup bekerjasama dengan orang yang menang. Perasaan marah yang tidak berkesudahan tidak akan menguntungkan sesiapa, malah lebih banyak membawa keburukan kepada semua pihak. Kita sedar ada pihak yang sanggup melakukan apa saja termasuk menyogok perwakilan untuk memastikan dipilih, tetapi mereka sendiri sepatutnya sedar tindakan itu bukan saja membawa kerugian kepada parti, malah perjuangan agama dan bangsa.

(END)